

UNIT 1 : MENYAPU BALUTAN

Bahagian A

1. Pengertian rukhsah dari segi bahasa ialah _____ **(SP4111) (TP2)**
 - A menyapu air
 - B mudah dan ringan
 - C keringanan hukum
 - D solat jamak dan qasar

2. Antara berikut yang manakah contoh rukhsah dalam ibadat? **(SP4111) (TP2)**
 - I Iktikaf
 - II Solat jamak dan qasar
 - III Solat ketika sakit
 - IV Tayamum
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

3. Hukum ibadat bagi seseorang yang tiada lagi halangan atau keuzuran ialah _____ **(SP4111) (TP2)**
 - A harus
 - B kekal seperti biasa
 - C masih secara rukhsah
 - D tidak perlu tunaikan solat

4. Hikmah rukhsah dalam ibadat menunjukkan tanda _____ Allah SWT kepada hamba-Nya. **(SP4113) (TP2)**
 - A kasih sayang
 - B keringanan
 - C kebaikan
 - D pemurah

5. Bagaimanakah cara berwuduk jika seluruh anggota wuduk tidak boleh terkena air? **(SP4115) (TP2)**
 - A Berwuduk seperti biasa
 - B Sapu air di atas anggota yang luka
 - C Pesakit perlu bertayamum
 - D mengangkat hadas dengan bertayamum

(ii) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah tentang anggota wuduk tidak berbalut dan tidak boleh terkena air.

No.	Pernyataan	(✓) atau (X)
1.	Solat boleh ditunaikan tanpa mengangkat hadas sekiranya doktor mengesahkan bahawa pesakit tidak boleh terkena air dan bertayamum.	
2.	Balutan pada anggota wuduk perlu dibuka sebelum berwuduk.	
3.	Berwuduk seperti biasa melibatkan semua anggota wuduk walaupun luka itu tidak boleh terkena air.	
4.	Solat tidak perlu diqada' selepas sembuh.	

[4 markah]

